



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

GEOGRAFI
TINGKATAN 4

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

Dr. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.1	Arah dan Kedudukan dalam Peta Topografi				
		1.1.1	Mengenal pasti lapan arah mata angin utama.				
		1.1.2	Menentukan arah sesuatu lokasi dalam peta topografi.				
		1.1.3	Menggunakan rujukan grid 4 angka dan 6 angka untuk menentukan kedudukan dalam peta topografi.				
		1.1.4	Mengukur bearing grid sesuatu lokasi dalam peta topografi.				
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.2	Skala, Jarak dan Luas dalam Peta Topografi				
		1.2.1	Menerangkan jenis skala dalam peta topografi.				
		1.2.2	Membezakan skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan.				
		1.2.3	Menunjuk cara mengukur jarak berdasarkan skala dalam peta topografi.				
		1.2.4	Menunjuk cara mengira keluasan berdasarkan skala dalam peta topografi.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.3	Ketinggian dan Keratan Rentas dalam Peta Topografi				
		1.3.1	Mengenal pasti ketinggian berdasarkan simbol dalam peta topografi.				
		1.3.2	Melukis keratan rentas berdasarkan garisan kontur.				
		1.3.3	Membezakan bentuk muka bumi berdasarkan keratan rentas.				
1.0	KEMAHIRAN GEOGRAFI	1.4	Pandang Darat Fizikal dan Pandang Darat Budaya dalam Peta Topografi				
		1.4.1	Mengenal pasti ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya.				
		1.4.2	Menghuraikan ciri pandang darat fizikal dan ciri pandang darat budaya berdasarkan simbol dalam peta topografi.				
		1.4.3	Menganalisis hubungan kait ciri pandang darat fizikal dengan ciri pandang darat budaya dalam peta topografi.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN	2.1	Pergerakan Plat Tektonik	2.1	Pergerakan Plat Tektonik		
		2.1.1	Menjelaskan kerak bumi, mantel dan teras bumi dalam struktur bumi.	2.1.4	Menganalisis kesan tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi terhadap manusia dan alam sekitar.		
		2.1.2	Menerangkan sempadan plat tektonik dunia.	2.1.5	Menghuraikan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi mengurangkan risiko bencana tsunami, gempa bumi dan letusan gunung berapi.		
		2.1.3	Menghuraikan kesan pergerakan plat tektonik.				
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN	2.2	Pembentukan dan Kepentingan Batuan	2.2	Pembentukan dan Kepentingan Batuan		
		2.2.1	Mengenal pasti batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.	2.2.3	Menerangkan taburan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis di Malaysia.		
		2.2.2	Menjelaskan pembentukan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.	2.2.4	Membuat justifikasi kepentingan batuan igneus, batuan enapan dan batuan metamorfosis.		

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas			Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN	2.3	Proses dan Kesan Luluhawa	2.3	Proses dan Kesan Luluhawa		
		2.3.1	Menjelaskan konsep dan jenis luluhawa.	2.3.4	Menjelaskan melalui contoh kesan luluhawa terhadap pandang darat di kawasan Gurun Panas dan kawasan Tropika Lembap.		
		2.3.2	Menghuraikan faktor yang mempengaruhi luluhawa.				
		2.3.3	Menghuraikan proses Luluhawa fizikal, luluhawa kimia dan luluhawa biologi.				
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN	2.4	Proses dan Kesan Gerakan Jisim	2.4	Proses dan Kesan Gerakan Jisim		
		2.4.1	Menjelaskan konsep dan jenis gerakan jisim.	2.4.4	Menjelaskan melalui contoh kesan aliran lumpur dan tanah runtuh yang berlaku di kawasan Asia Tenggara.		
		2.4.2	Menghuraikan faktor yang mempengaruhi gerakan jisim.	2.4.5	Membahaskan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko berlakunya gerakan jisim.		
		2.4.3	Menghuraikan proses kesotan tanah, aliran lumpur dan tanah runtuh.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas			Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
2.0	GEOGRAFI FIZIKAL: BENTUK MUKA BUMI DAN SALIRAN	2.5	Pembentukan dan Kelestarian Sungai	2.5	Pembentukan dan Kelestarian Sungai		
		2.5.1	Menjelaskan pembentukan sungai.	2.5.4	Menghuraikan punca kemerosotan kualiti air sungai.		
		2.5.2	Menghuraikan tindakan air sungai melalui hakisan, pengangkutan dan pemendapan.	2.5.5	Menjelaskan melalui contoh usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk melestarikan sungai.		
		2.5.3	Membezakan bentuk muka bumi akibat tindakan air sungai di peringkat hulu, tengah dan hilir.				
		2.6	Tindakan Ombak di Pinggir Pantai	2.6	Tindakan Ombak di Pinggir Pantai		
		2.6.1	Mengenal pasti ombak pembina dan ombak pembinasa.	2.6.4	Menghuraikan kesan kegiatan manusia di kawasan pinggir pantai.		
		2.6.2	Menghuraikan tindakan ombak melalui hakisan, pengangkutan dan pemendapan.	2.6.5	Menjelaskan melalui contoh usaha-usaha yang boleh dilaksanakan untuk memelihara dan memulihara kawasan di pinggir pantai.		
		2.6.3	Membezakan bentuk muka bumi akibat tindakan ombak di pinggir pantai.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas			Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.1	Taburan Penduduk Dunia	3.1	Taburan Penduduk Dunia		
		3.1.1	Menjelaskan konsep taburan penduduk.	3.1.4	Menghuraikan kesan taburan penduduk padat dan jarang di dunia.		
		3.1.2	Mengenal pasti taburan penduduk padat, sederhana dan jarang di dunia.				
		3.1.3	Menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di dunia.				
		3.2	Pertumbuhan Penduduk Dunia	3.2	Pertumbuhan Penduduk Dunia		
		3.2.1	Menjelaskan konsep pertumbuhan penduduk.	3.2.5	Merumuskan kesan struktur dan komposisi penduduk kepada pembangunan negara.		
		3.2.2	Menentukan kadar pertumbuhan penduduk.				
		3.2.3	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk.				
		3.2.4	Mentafsir struktur dan komposisi penduduk berdasarkan piramid penduduk.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.3	Migrasi Penduduk	3.3	Migrasi Penduduk		
		3.3.1	Menjelaskan konsep migrasi penduduk.	3.3.4	Menilai kesan migrasi terhadap sesebuah negara.		
		3.3.2	Membezakan migrasi dalaman dengan migrasi antarabangsa.	3.3.5	Membahaskan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan migrasi di sesebuah negara.		
		3.3.3	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi migrasi dalaman dan migrasi antarabangsa.				
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.4	Petempatan	3.4	Petempatan		
		3.4.1	Menjelaskan jenis petempatan.	3.4.6	Membahaskan saling bergantung antara petempatan bandar dan petempatan luar bandar.		
		3.4.2	Menghuraikan hierarki petempatan.				
		3.4.3	Menjelaskan dengan contoh pola petempatan.				
		3.4.4	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pola petempatan.				
		3.4.5	Menjelaskan melalui contoh fungsi petempatan bandar dan petempatan luar bandar.				

Tajuk		Standard Pembelajaran					
		Kandungan Asas		Kandungan Tambahan		Kandungan Pelengkap	
3.0	GEOGRAFI MANUSIA: PENDUDUK DAN PETEMPATAN	3.5	Urbanisasi	3.5	Urbanisasi		
		3.5.1	Menjelaskan konsep dan proses urbanisasi.	3.5.4	Mencadangkan langkah-langkah mengurangkan masalah urbanisasi.		
		3.5.2	Menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi.				
		3.5.3	Membahaskan kesan urbanisasi.				
KERJA LAPANGAN GEOGRAFI		<ol style="list-style-type: none"> 1. Mana-mana Tajuk/SK/SP di atas boleh dipilih untuk dijadikan tajuk Kerja Lapangan Geografi. 2. Cadangan peruntukan waktu melaksanakan Kerja Lapangan Geografi selama 6 jam daripada waktu yang diperuntukkan bagi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) mata pelajaran Geografi. 3. Sekiranya berlaku Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelaksanaan Kerja Lapangan Geografi boleh dilaksanakan secara tidak bersemuka. Murid boleh mengumpul data melalui <i>Google Form, Whatsapp, Telegram, e-mel, panggilan telefon, Google Meet, Zoom Meeting</i> dan sebagainya. 					
Cadangan untuk pelaksanaan penjajaran kurikulum KSSM Geografi:		<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru digalakkan untuk mempelbagaikan kaedah pelaksanaan PdP (Pembelajaran Teradun: Pendekatan Modular, Pembelajaran Bersepadu, Pembelajaran Berasaskan Kerja Projek, Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan lain-lain). 2. Bahagian Kemahiran Geografi perlu dilaksanakan dengan bimbingan guru secara bersemuka bagi membolehkan pengetahuan, kemahiran dan nilai asas dikuasai oleh murid. 3. Cadangan Pembelajaran Teradun melalui Pendekatan Modular dilaksanakan seperti SK 2.5 bagi tajuk Pembentukan dan Kelestarian Sungai dan SK 2.6 Tindakan Ombak di Pinggir Pantai iaitu SP 2.5.1, 2.5.2, 2.5.3, 2.6.1, 2.6.2 dan 2.6.3 (Kandungan Asas) boleh diajarkan sekali. Selain itu, SP 2.5.4, 2.5.5, 2.6.4 dan 2.6.5 (Kandungan Tambahan) boleh diajarkan bersama-sama dengan Kandungan Asas atau dipilih untuk membuat Kerja Lapangan Geografi. 4. Guru boleh menambah baik pelaksanaan kurikulum KSSM Geografi Tingkatan 4 yang dicadangkan di atas mengikut aras kebolehan dan tahap keupayaan murid berdasarkan keadaan/situasi/isu yang dihadapi di peringkat sekolah. 					

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917